

Qalam

127, Sha'abān 1380, Februari 1961, 60 sen

Dari Hal Kita

Untuk menjauhkan salah pengertian maka dengan ini kita maklumkan bahawa majalah Qalam bilangan yang lalu sebenarnya terlambat terbit disebabkan sesuatu hal yang tak dapat dielakkan. Majalah Qalam keluaran yang lalu telah disita tetapi kemudian dikembalikan semula setelah rencana pengarangnya diubah. Sungguhpun rencana yang tersebut tidak ada kesalahan apa-apa padanya tetapi berhubung dengan keadaan masa tidak sesuai, seperti yang dikenakan oleh Menteri Kebudayaan Singapura, tuan Rajaratnam, maka rencana itu tidaklah munasabah.

Menteri Kebudayaan Singapura juga menyatakan dengan tegasnya bahawa majalah Qalam itu tidaklah ada kena-mengena dengan gerakan ARTIS (Angkatan Revolusi Tentera Islam). Dengan ini dapatlah kiranya pembaca-pembaca faham bahawa Qalam tidak sekali-kali ada kena-mengena dengan gerakan itu.

Mudah-mudahan dengan ini pembaca-pembaca yang mendatangkan pertanyaan, kita maklumkan bahawa Qalam tidak sekali-kali ada kena-mengena dengan gerakan itu dan rencana pengarang Qalam itu ditulis di dalam lain perkara tetapi kerana difikirkan tidak munasabah dikeluarkan pada masa itu maka rencana itu telah diubah- P.

Undang-undang Tuhan Jangan Dinista

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putra, di dalam ucapannya di Kampung Jeliang, 13 batu dari Kuala Kangsar di antara lain-lain dikatakan telah berkata:

Rakyat negeri ini yang mahu hidup dalam negeri ini hendaklah menaruh perasaan cinta dan bertanggungjawab kepada negeri ini serta menjauhkan daripada membuat huru-hara.

“Saya harap,” kata beliau seterusnya, rakyat negeri ini terutamanya orang-orang Islam janganlah mencampurkan undang-undang Tuhan dengan undang-undang negara kerana undang-undang Tuhan jauh berbeza dari undang-undang manusia.

“Undang-undang negara menjalankan dasar untuk mengamankan dan memakmurkan rakyat tetapi undang-undang Tuhan membalas pahala dan syurga kepada hamba-Nya yang berbuat baik dan membalas dosa kepada hamba-Nya yang membuat salah.

“Kalau kita menggunakan undang-undang Tuhan dalam negara kita yang baru hendak maju ini”, kata beliau seterusnya lagi, “tidak dapat tiada negara kita akan kacau – bilau dan permusuhan di antara rakyat negeri ini akan berlaku.

“Rakyat negeri ini telah dipandang mulia oleh dunia dan kita berasa bangga dengan hal yang demikian. Ini bukanlah kerana apa-apa, hanya kerana ada kerjasama di antara rakyat dengan kerajaan ini yang saya harap kita akan berpanjangan dalam keadaan yang demikian itu.

“Sebenarnya” kata Tengku “ Tidak ada sebuah kerajaan pun yang dapat mengamankan negara kalau tidak ada kerjasama rakyat. Inilah tujuan kerajaan Perikatan, kerajaan Perikatan yang dipimpin oleh saya adalah sentiasa mencari jalan untuk mengamankan negara dan memakmurkan rakyat”. kata Tengku.

Ucapan Tengku ini dapat disimpulkan begini:

1. Janganlah dicampurkan diantara undang-undang Tuhan dengan undang-undang negara.
2. Undang-undang Tuhan hanya membalas pahala dan syurga kepada hamba-Nya yang berbuat baik dan membalas dosa kepada hamba-Nya yang membuat salah.
3. Kalau menggunakan undang-undang Tuhan negara akan kacau –bilau dan permusuhan di antara rakyat dalam ini akan berlaku.

4. Agama tidak dapat membawa keamanan dan kemakmuran kepada rakyat.

Apa yang diucapkan Tengku ini adalah sangat mendukacitakan umat Islam mendengar terutama kepada mereka-mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, yang memerintah dan mengutuskan Muhammad sebagai pembawa rahmat kepada seluruh alam. Kita berdukacita mendengar ucapan ini daripada Perdana Menteri kita, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang menjadikan agama Islam agama rasminya.

Kita tidak mahu mengulas hal ini. Kita hanya menyerahkan hal ini kepada masyarakat Islam yang mengerti dan faham. Kita tidak mahu memandang ucapan Tengku itu sebagai cabaran-cabaran hanya kita memandang bahawa nampaknya Tengku

tidak mengerti dan tidak faham tentang apa ertinya Islam, apa ertinya hukum Tuhan yang diturunkan adalah untuk membawa kebahagiaan dunia dan akhirat serta di dalamnya lengkap dengan peraturan-peraturan hidup bermasyarakat sama ada kepada pemeluknya-pemeluknya atau kepada orang-orang yang lain daripadanya. Mudah-mudahan ada diantara orang-orang yang rapat dengan Tengku, dapat menerangkan kepada beliau apa ertinya Islam dan apa dia hukum Tuhan itu.

Kita hanya berharap dengan sangat supaya Tengku dalam masa yang akan datang berhati-hati bercakap mengenai agama terutamanya agama Islam. Sebelum bercakap itu molek benar dikaji buruk baiknya dan kesan-kesan terhadap kepada orang-orang yang menerimanya. Tidakkah umat Islam berasa sakit menerima paluan Tengku seperti itu? Tidakkah umat Islam akan marah daripada ucapan itu?



Faḍīlah al-Sheikh Mahmoud Shaltut, pengetua Universiti Azhar yang telah melawat Persekutuan Tanah Melayu pada bulan yang lalu. Kunjungan beliau sebagai tetamu agung telah mengukuhkan lagi tali persaudaraan di antara dunia ‘Arab dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Gambar menunjukkan beliau sedang berucap dalam majlis jamuan di Kolej Islam – Klang, ketika beliau melawat ke sana pada 20 Januari 1961 yang lalu. Dalam gambar juga kelihatan Encik Abdul Rahman Talib, Menteri Pelajaran, dan Dr Abdul Rauf Pengetua Kolej Islam.

Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam

Singapura

Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam Singapura telah dikemukakan ke dalam Majlis Undangan Singapura. Terjemahan kandungan penuh Rang Undang-undang itu ada disiarkan dalam lain muka keluaran ini. Terjemahan itu adalah disiarkan daripada terjemahan kerajaan tetapi malangnya kerajaan sendiri tidak bertanggungjawab atas terjemahannya.

Rang Undang-undang ini adalah sangat mustahak dikaji oleh seluruh umat Islam dan umumnya orang-orang Islam adalah berbahasa Melayu - bahasa yang jadi bahasa kebangsaan di negeri ini. Dengan menyiarkan suatu terjemahan yang tidak dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk mengkajinya adalah sangat mendukacitakan. Terjemahan ini diterbitkan sangat lewat masanya sehingga membimbangkan umat Islam tetapi untungya kerajaan telah menanggungkan pengkajian atas undang-undang ini sehingga 26 April 1961. Kerana itu umat Islam ada banyak masa bagi mengkaji Rang Undang-undang tersebut dengan saksama dan berhati-hati.

Umat Islam Singapura sangat mustahak memberi pandangannya dalam perkara hukum yang mengenai mereka supaya kelak jangan terbit suatu perasaan tidak puas hati dalam perkara undang-undang ini. Kita berharap sekalian kita akan memberi pandangan dalam perkara ini.

Jika tidak ada sesuatu halangan, dalam keluaran yang akan datang in shā Allāh, kita akan memberi pandangan dalam perkara Rang Undang-undang ini dengan luas.



Untuk Wanita-wanita:

- | | |
|-------------------------|------|
| 1. Di Rumah Rasulullah | 0.50 |
| 2. Hukum Bersuci | 0.40 |
| 3. Hukum Haid dan Nifas | 0.50 |

Kalau sekiranya hal itu dijawab dengan cara bidasan, harus Tengku akan menyangka lain kepada orang-orang yang membidas tetapi sebenarnya telah kerap benar kita mendengar ucapan-ucapan yang diucapkan beliau deras menyinggung perasaan orang-orang Islam seluruhnya. Kerana itu kita sangat berharap sangat supaya beliau di dalam perkara mengenai agama, supaya berhati-hati mengeluarkan pendapat kerana kelak harus akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dan menjauhkan kasih sayang orang kepada beliau.

Dengan tidak berniat hendak melaga-lagakan atau melebihi-lebihkan seseorang dalam perkara mengenai ini kita angkat tangan kepada Tun Abdul Razak bin Hussein, Timbalan Perdana Menteri kerana sepanjang-sepanjang masa yang telah lalu kita tidak pernah mendengar sesuatu pun daripada ucapan beliau yang mencacat, apa lagi mencabar perasaan seluruh umat Islam di Tanah Melayu. Cara inilah yang kita kehendaki. Janganlah kiranya tidak bersetuju kepada parti siyāsah Islam, lalu orang-orang yang diluar daripada parti-parti politik itu, yang cinta kepada agamanya, disinggung perasaan atau hatinya. Orang-orang di dalam kerajaan, terutamanya seperti Tengku, kita harap hendaklah sentiasa mengingat bahawa orang-orang yang ada di dalam parti politik sangat sedikit jika dibandingkan dengan orang-orang yang tidak memasuki politik negeri; tetapi orang-orang ini tidak reda kalau agamanya disentuh dan hatinya disakiti.

Sekadar ini harapan kita. Semoga teguran ini mendapat perhatian beliau. Kita tidak berniat sekali-kali menjawab pengertian terhadap kepada undang-undang Tuhan yang sedemikian itu kerana kita tahu bahawa beliau tidak mengerti di dalam hal ini. Kita hanya berharap adalah Tengku, dalam masa-masa yang akan datang berhati-hati mengeluarkan perkataan-perkataan yang menyinggung perasaan umat Islam supaya kelak jangan orang-orang yang di luar parti-parti siyāsah menunjukkan tidak puas hati terhadap sikap beliau. Semoga Allah melapangkan hati beliau mengkaji apakah dia hukum Tuhan, pertaliannya dengan peribadi, masyarakat dan pemerintahan - Āmīn